

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

KOSMO MIS 6 NEGARA 20/12/2024 (JUMAAT)

Masalah kesihatan dan peribadi antara punca

6,417 pegawai perubatan berhenti

DEWAN
NEGARA

KUALA LUMPUR – Seramai 6,417 pegawai perubatan lantikan tetap dan kontrak telah meletakkan jawatan sejak tahun 2019 hingga 2023.

Kementerian Kesihatan (KKM) juga merekodkan seramai 1,046 pakar perubatan turut meninggalkan perkhidmatan awam dalam tempoh berkenaan.

Mendedahkan perkara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, seramai 63 pakar perubatan lain pula memilih untuk bersara pilihan.

"Antara punca pegawai perubatan berkenaan meletakkan jawatan kerana memperoleh tawaran bekerja sebagai pensyarah di universiti awam (UA).

"Punca lain peletakan jawatan pegawai perubatan berkenaan adalah disebabkan masalah peribadi, isu kompetensi dan masalah kesihatan," katanya pada sidang Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada Senator Dr. A. Lingeshwaran yang meminta penjelasan berhubung jumlah pegawai perubatan tetap



DR. DZULKEFLY bercakap pada sidang Dewan Negara di Kuala Lumpur semalam.

dan kontrak yang meletak jawatan atau bersara pilihan dari KKM, dalam tempoh lima tahun terakhir.

Dr. Dzulkefly berkata, berdasarkan statistik, daripada 6,417 pegawai perubatan yang meletak jawatan, 2,385 individu berjawatan tetap, manakala baki 4,032 orang adalah lantikan kontrak.

"Jumlah peletakan jawatan itu tidak termasuk 1,086 pegawai perubatan kontrak yang meletak jawatan kerana memendekkan perkhidmatan kontrak sedia ada, bagi tujuan menerima

tawaran pelantikan tetap dan diproses ganjaran kontrak," jelasnya.

Tambahnya, setakat 30 Jun lalu, seramai 298,853 petugas kesihatan masih berkhidmat di KKM.

Menurutnya, jumlah tersebut meliputi 266,133 petugas kesihatan lantikan tetap dan sebanyak 32,720 lagi adalah petugas kesihatan lantikan kontrak.

"Daripada jumlah itu, seramai 7,638 orang merupakan pakar perubatan, manakala 44,155 lagi adalah pegawai perubatan," ujar beliau.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/S 8 NEGARA 20/12/2024 (JUMAAT)

Budak lelaki 12 tahun meninggal dunia dalam kawasan sekolah

Maut kena renjatan elektrik

Oleh **TUAN NURHIDAYAH
TUAN AB. GHANI**

SERDANG – Seorang murid lelaki tahun enam meninggal dunia selepas dipercayai terkena renjatan elektrik di sebuah sekolah, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner A. A. Anbalagan berkata, laporan berhubung kejadian diterima pihaknya pada pukul 6.30 petang daripada seorang pengadu wanita berusia 36 tahun.

Katanya, laporan dibuat pengadu selepas pihaknya menerima pesakit yang merupakan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun dalam keadaan tidak sedarkan diri.

"Mangsa dipercayai terkena renjatan elektrik di sebuah sekolah di kawasan Serdang sebelum disahkan meninggal dunia pukul 6.50 petang," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, bedah siasat dijalankan di Hospital Sultan Idris Shah (HSIS) Serdang bagi mengenal pasti punca kematian dan diklasifikasikan sebagai kematian mengejut (SDR).

Jelasnya, siasatan berhubung kejadian itu masih dijalankan.

Mangsa merupakan pelajar sebuah sekolah agama di Serdang dan jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Universiti Putra Malaysia, Serdang.



DI HOSPITAL Sultan Idris Shah (HSIS) inilah mayat seorang murid tahun enam yang dipercayai terkena renjatan elektrik di sebuah sekolah dihantar untuk bedah siasat kelmarin.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : CETUSAN

SINAR HARIAN MS 16 CETUSAN 20/12/2024 (JUMAAT)

Tularkan gambar perokok, bukan menteri sahaja!

KELMARIN seluruh negara kecoh seketika apabila tular di media sosial gambar Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan (Tok Mat) yang sedang memegang sebatang rokok di sebuah restoran.

Kebanyakan rakyat Malaysia melahirkan rasa kesal kerana ia memperlihatkan sisi negatif seorang pemimpin negara yang sepatutnya menjadi contoh, juga teladan.

Menyedari kesilapan dilakukan, Tok Mat segera memohon maaf dan berjanji membayar kompaun dikenakan. Realitinya, ramai sahaja yang mungkin 'tidak sengaja' atau 'terlupa' lalu merokok di kawasan larangan dan disaksikan orang lain, namun tidak ditularkan kerana bukan figura terkenal.

Apabila kebetulan *netizen* dapat 'tangkap' individu yang ada nama, cepat-cepat dimasukkan ke media sosial sebagai berita sensasi kerana 'ada menteri langgar peraturan!' Sebenarnya menteri atau tidak, kesalahan merokok di 28 tempat awam disenaraikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah dilarang sama sekali dan sekiranya ada individu didapati melakukan kesalahan itu, mereka boleh dikenakan kompaun sehingga RM5,000.

Tidak ramai yang sedar mereka sebenarnya bukan sahaja tidak boleh merokok di restoran, bangunan yang mempunyai pendingin hawa, hospital atau klinik, malah di banyak lokasi lagi. Ia termasuklah kedai dobi, kompleks membeli-belah, kafe internet, malah di kawasan rehat dan rawat (R&R).

Kalau diikutkan, jika tidak mahu prejudis, kejadian tular menimpa Tok Mat sepatutnya dilaksanakan juga kepada semua orang. Siapa sahaja merokok di kawasan larangan, ambil gambar dan sebarkan tanpa mengira status mereka, barulah adil!

Untuk lebih saksama lagi, kompaun sama perlu dikenakan kepada mereka yang menghisap vape. Kadangkala penghisap vape tegar berperangai lebih buruk lagi kerana *vaping* tidak kira tempat dan masa, asalkan teringat dan teringin, main hembus sahaja!

Yang penting, sudah sampai masanya KKM menghantar ramai pegawai sebagai 'mata-mata' di 28 tempat larangan berkenaan dan bertindak lebih serius dalam mengenakan kompaun kepada pesalah. Salah satu langkah boleh difikirkan juga adalah dengan melantik penguat kuasa dalam kalangan orang awam yang lebih mudah memberi maklumat.

Jika Kementerian Kerja Raya (KKR) ada aplikasi MYJalan, mungkin KKM perlu ada aplikasi MYTakNak! untuk orang awam muat naik gambar lokasi larangan yang selalu ada orang merokok.

Jika tidak, sampai bila-bila pun tiada yang peduli perokok menghembus asap kotor di sebelah mereka dan sudahnya siapa akan merana?

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/84 NASIONAL 20/12/2024 (JUMAAT)

Gaji pertama SSPA: Penjawat awam kongsi rasa syukur

KUALA LUMPUR - Penjawat awam yang memilih Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) menerima kenaikan gaji pertama selepas pelarasan di bawah skim tersebut pada Khamis.

Sebahagian daripada mereka meluahkan rasa gembira dan menzahirkan kesyukuran, selain berterima kasih kepada Kerajaan Madani atas pelaksanaan pelarasan gaji itu, yang dilakukan selepas 12 tahun tanpa semakan.

Penjawat awam, Desmi Hartati Anuar, menyifatkan pelarasan gaji tersebut sebagai rezeki buat anak pertamanya setelah hampir 15 tahun menanti untuk bergelar ibu.

"Anak saya lahir pada 19 Ogos 2024, dan hari ini genap usianya empat bulan. Suami saya juga seorang penjawat awam, dan kami berharap dapat menambah simpanan pendidikan anak kami," katanya.

Guru berusia 42 tahun itu turut berharap kenaikan gaji tersebut dapat meringankan beban kewangan bulan-



Penjawat awam yang memilih SSPA menerima kenaikan gaji pertama selepas pelarasan di bawah skim tersebut pada Khamis. - *Gambar hiasan*

an keluarganya, terutama selepas pembelian rumah baru-baru ini.

Bagi Netty Muhalizza Mohd Fadzil pula, pelarasan gaji itu dianggap tepat pada masanya lebih-lebih lagi untuk penjawat awam yang mempunyai anak yang sedang bersekolah.

"Minggu depan cuti sekolah bermula,

jadi ramai ibu bapa yang mungkin perlu membuat persediaan untuk sesi persekolahan baharu Januari nanti. Selain itu, pasti ada juga yang hendak merancang persiapan hari raya," kata kakitangan di sebuah universiti awam itu.

Sementara itu, Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Farmasi Kerajaan

Semenanjung Malaysia menerusi hantaran di laman Facebook menyatakan bahawa pelarasan gaji ini diharapkan mampu mengurangkan beban kewangan serta memastikan kelangsungan hidup penjawat awam dalam era yang semakin mencabar.

"Dengan kenaikan ini, diharap kita semua tidak meningkatkan gaya hidup, sebaliknya mengurangkan komitmen sedia ada dan berbelanja secara berhemah. Lebihan gaji boleh digunakan untuk menggembirakan ahli keluarga," menurut kenyataan kesatuan itu.

Penjawat awam turut berkongsi keterujaan mereka menerima kadar gaji baharu melalui pelbagai hantaran di media sosial.

"Selamat pagi gaji SSPA. Ada manis," kata Hilary Brody dalam laman Facebook.

"Alhamdulillah... terima kasih Kerajaan Madani. Selain penjawat awam naik gaji, orang pencen pun naik juga kadar pencennya," kata Zairi Suboh juga di Facebook. - *Bernamea*